

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 2.12.2015

SOALAN :

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status kelulusan naik taraf /pembinaan baru Sekolah Menengah Pangiran Omar, Sipitang dan Pejabat Pendidikan Daerah Sipitang yang diumumkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ketika merasmikan program di Sipitang pada tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Permohonan bagi projek pembinaan Gantian Penuh Bangunan, asrama, rumah guru dan lain-lain kemudahan bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Pengiran Omar 1, Sipitang, Sabah telah diangkat di bawah *Rolling Plan 1 (2016-2017) RMKe-11*. Permohonan tersebut masih dalam penelitian bagi kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Manakala untuk Pejabat Pendidikan Daerah Sipitang, Permohonan akan dimasukkan dalam *Rolling Plan 2, RMKe-11*.

RJM75